

Sungai Linggi berpotensi tarik pelancong

Alor Gajah: Sungai Linggi dijangka berpotensi menjadi sebuah lagi destinasi pelancongan terbaru yang mampu menarik pelancong ke negeri ini.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Warisan, Pembangunan Pantai dan Pulau-Pulau negeri Datuk Ghazale Mohamad berkata, sungai berkenaan antara tarikan yang patut dikemukakan sebagai produk pelancongan luar bandar dengan konsep River Cruise untuk melihat keunikan flora dan fauna.

“Di sepanjang Sungai Linggi dari Pengkalan Paya Lebar sehingga ke Muara Sungai Linggi, kita dapat lihat keindahan semula jadi flora dan fauna yang tentunya menjadi aset untuk menarik pelancong datang ke negeri ini.

“Oleh itu, kerajaan negeri melalui bahagian pelancongan akan cuba untuk mempromosikan kawasan ini kepada pelancong.

“Saya difahamkan di sini bukan saja terdapat keindahan flora dan fauna, malah juga peninggalan sejarah seperti Kota Simpang iaitu ka-



GHAZALE (kiri) bersama Amiruddin (tengah) dan Mas Ermieyati menunjukkan udang galah yang ditangkap di Sungai Linggi.

wasan tersimpannya kubu Belanda satu ketika dulu yang perlu kita jaga kerana ia aset yang sangat berharga kepada negeri ini,” katanya selepas mengadakan lawatan dengan menyusuri Sungai Linggi dari Pengkalan Paya Lebar, di sini, baru-baru ini.

Hadir sama pada lawatan berkenaan, Ahli Parlimen Masjid Tanah Mas Ermieyati Samsudin dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Limau Amiruddin Yusof.

Menurut Ghazale, kawasan Sungai Linggi perlu dipulihara dan segala pembangunan yang boleh merosakkan keindahan semula jadi perlu dihalang dan tidak sepatutnya dilakukan.

“Melaka adalah sebuah negeri kecil. Lokasi ini satu-satunya kawasan pesisir sungai yang mempunyai pokok bakau dan haiwan liar seperti buaya, ular, kundang-kundang serta bangau.

“Oleh itu, kita akan cuba mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk mewar-

takan ia sebagai kawasan kawalan pembangunan.

“Jika ada pembangunan yang ingin dilakukan pun, ia mestilah tidak boleh merosakkan keindahan dengan menebang pokok besar supaya keaslian dapat dikekalkan,” katanya.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada pemimpin kawasan berkenaan kerana Kampung Paya Lebar berjaya menerima pengiktirafan sebagai ‘Desa Lestari’ daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, April lalu.

“Saya difahamkan, pemimpin kawasan ini iaitu Mas Ermieyati dan Amiruddin sudah mengorak langkah lebih awal membangunkan kawasan kampung terabit dan dengan pengiktirafan itu, kampung ini di-anugerahkan peruntukan sebanyak RM731,000 untuk membangunkan kawasan terabit.

“Beberapa langkah awal sudah dilakukan untuk kita adakan satu lagi destinasi pelancongan berkonsepkan ‘river cruise’ menyusuri Sungai Linggi,” katanya.